

*DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS*

*daripada:  
Setiausaha  
Dewan Undangan Negeri  
Terengganu.*



Hari Ahad  
6hb Disember 1992

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YANG KELAPAN  
PENGGAL PERSIDANGAN  
YANG KETIGA

Persidangan Kali Yang Pertama  
6 - 9 Disember 1992

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU.



Hari Ahad  
6hb Disember 1992

*KANDUNGAN*

1. *Nama ahli-ahli* [ Muka 1 ]
2. *Doa* [ Muka 5 ]
3. *Titah Ucapan Di Raja* [ Muka 5 ]

[ BERSAMBUNG ]

#####



DEWAN UNDANGAN NEGERI MULAI BERSIDANG PADA PUKUL  
9.30 PAGI.

HADIR

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA

Dato' Engku Bijaya Sura,  
DSMT., DPMT., SMT., AMN., PJC., PJK., BLB.  
(Dato' Syed Omar bin Mohamad)  
WAKIL PAKA

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR

Dato' Seri Amar Di Raja,  
SSMT., PSM., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.  
(Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)  
WAKIL CUKAI

Yang BERTHORMAT Dato' Haji Abu Bakar bin Daud,

DSMT., DSAP., DPMT., JMN., PJC., PJK.  
WAKIL LADANG

" " Dato' Haji Ahmad Sidi bin Haji Ismail  
DSMT., DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.

WAKIL TELEMONG

" " Dato' Haji Abd.Rashid bin Ngah,  
DSMT., DPMT., JSM., PJC., PJK.

WAKIL SEBERANG TAKIR

" " Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,  
DPMT., ASM., PJC., PJK., PPN.

WAKIL KUALA BESUT

" " Dato' Haji Muda bin Mamat, DPMT., PJK., PPN.  
WAKIL BINJAI

" " Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,  
DPMT., ASM., SMT., PJK.

WAKIL LANGKAP

" " Encik Aziz @ Ibrahim bin Awang, SMT., PJK.  
WAKIL SURA

" " Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.

WAKIL BATU RAKIT

6 Disember 1992

Yang Berhormat Haji Muda bin Abdullah, SMT.,AMN.,JP.,PJK.  
WAKIL JERANGAU

" " Haji Harun bin Ali, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL MERCANG

" " Haji Abduliah bin Muhammad, AMT.,PJK.  
WAKIL KAMPUNG RAJA

" " Haji Wan Muda bin Mohd., AMT.,AMN.,PJK.,PPN.  
WAKIL KUALA BERANG

" " Haji Harun bin Hassan, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL BUKIT BANDI

" " Haji Yusof @ Jusoh bin Musa, AMN.,PJK.  
WAKIL SERADA

" " Haji Abu Bakar bin Ali, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASEK

" " Haji Daud bin Abu Bakar, AMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

" " Encik Ahmad bin Said, PJK.  
WAKIL KIJAL

" " Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd,  
DPMT.,ASM.,PJK.,BLB.  
WAKIL TELUK PASU

" " Haji Shafie bin Omar, PJK.  
WAKIL PERMAISURI

" " Haji Abdullah @ Wahab bin Saaid, AMN.,PJK.  
WAKIL TEPOH

" " Haji Mazlan bin Awang, PJK.  
WAKIL BUKIT PAYONG

" " Haji Harun bin Taib  
WAKIL MANIR.

" " Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong  
WAKIL BATU BURUK



6 Disember 1992

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
WAKIL RHU RENDANG  
" " Haji Harun bin Jusoh, JP.,PJK.  
WAKIL BANDAR  
" " Haji Abdul Latif bin Mohamad  
WAKIL JERTIH  
" " Haji Mohd.Abdul Wahid bin Haji Endut  
WAKIL WAKAF MEMPELAM  
" " Haji Zahari bin Mohamad  
WAKIL JABI

Yang Amat Mulia Tengku Seri Paduka Raja  
(Yang Berhormat Tengku Ibrahim Ibni  
Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah),DK.  
WAKIL TANGGUL

Yang Berhormat Haji Mansor bin Sulong @ Ali, PJK.  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri  
Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Seri Dato' Lela Perkasa  
(Dato' Seri Mohd.Azahar bin Othman)  
SSMT.,SPMT.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Abdul Kadir bin Musa, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Senara Muda  
(Dato' Haji Mazlan bin Hashim)  
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Osman bin Muda, PJK.  
(Pegawai Tadbir Negeri Terengganu).

6 Desember 1992

6 Disember 1992

DOA -Dibaca oleh  
YBM Dato' Yang di-Pertua

TITAH UCAPAN DI RAJA

Bismillahirrahmanirrahim, wabihi nastain.

Yang Berhormat,  
Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan

Yang Berhormat,  
Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu wataala kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya dapat beta dan Tengku Ampuan hadir ke Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kelapan pada pagi ini. Beta juga mengucap syukur di atas segala rahmat dan nikmat yang Allah kurniakan kepada kerajaan dan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman selama ini.

Beta berasa amat sukacita bahawa dalam tahun 1992 ini Negeri Terengganu Darul Iman terus maju ke arah kemajuan dan pembangunan yang memuaskan. Sesungguhnya pencapaian kemajuan dan pembangunan bagi tahun semasa adalah hasil usaha daripada semua pihak terutamanya daripada kerajaan beta yang dipimpin oleh Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad yang telah mengadakan dasar, strategi dan program yang berkesan untuk membawa kemajuan dan kemakmuran di negeri ini baik dari segi jasmaniah mahupun rohaniah. Di samping itu, pencapaian yang memuaskan ini adalah juga hasil daripada kerjasama yang erat dan bersungguh-sungguh yang telah diberikan oleh semua pihak baik dari jabatan, agensi kerajaan, mahupun pihak swasta dalam melaksanakan dasar dan program-program kerajaan yang telah diatur.

Namun demikian, beta ingin mengingatkan kepada semua pihak bahawa pembangunan dan kemajuan perlu diteruskan dengan lebih giat lagi bagi menjadikan negeri Terengganu Darul Iman sebuah negeri yang maju. Tahun 1992 merupakan tahun kedua pelaksanaan pembangunan Rancangan Malaysia Keenam. Berasaskan kepada dasar dan strategi yang ditetapkan di bawah rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Wawasan 2020

6 Disember 1992

serta komitmen kerajaan Beta, adalah dipercayai bahawa Negeri Terengganu berupaya untuk menjadi sebuah negeri yang maju.

Dalam hubungan ini, beta ingin menarik perhatian semua pihak bahawa dasar, strategi dan program yang dirancang tidak akan mencapai matlamatnya tanpa diikuti dengan jentera pelaksanaan yang cekap dan licin. Beta juga ingin menarik perhatian bahawa pada masa lepas pembangunan ekonomi negeri ini, sebahagian besarnya, bergantung kepada sektor awam, dan penglibatan pihak swasta amatlah terhad, Beta menyeru supaya pihak swasta tampil ke hadapan supaya menjadi lebih agresif dalam pembangunan negeri ini.

Dasar persyarikatan Malaysia telah menjelaskan dengan terperinci mengenai peranan pihak swasta dan awam dalam mewujudkan satu persefahaman kerja untuk mencapai matlamat pembangunan negara dan negeri. Oleh itu kedua-dua sektor awam dan swasta perlulah berganding bahu supaya pertumbuhan ekonomi negeri ini dapat dicapai sebagaimana yang dirancang.

Dalam usaha mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, Kongress Ekonomi Bumiputera Ketiga telah mencapai beberapa resolusi yang penting dan boleh dijadikan panduan pihak awam dan swasta. Antara strategi yang telah dipersetujui ialah menumpukan usaha kepada aktiviti nilai tambah termasuk semua hasil, dan mengukuhkan industri tradisi menerusi strategi gabungan teknologi. Bagi mencapai matlamat ini, ianya memerlukan satu komitmen yang bersungguh-sungguh khususnya daripada pihak swasta. Pada masa lepas pihak swasta lebih bergantung kepada pihak awam untuk kejayaan mereka. Beta percaya telah sampai masanya peranan sektor awam yang selama ini memainkan peranan sebagai 'Lead Growth' dikurangkan, dan peranan ini perlu diambilalih oleh pihak swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negeri ini. Dalam Sistem Ekonomi Bebas yang diamalkan di negara ini, beta ingin menegaskan bahawa unsur-unsur pertandingan tidak sempurna dalam ekonomi terus wujud dan pihak swasta hendaklah berusaha untuk meningkatkan kecekapan dalam merebut peluang-peluang yang ada.

Bagi golongan rakyat Beta dalam kumpulan pekerja sama ada di sektor awam atau swasta, peranan mereka telah berubah sesuai dengan kemajuan ekonomi dan tidak seharusnya mempunyai sikap sebagai pekerja semata-mata tetapi hendaklah berusaha meningkatkan peluang serta kualiti pengeluaran. Bagi sektor awam di bawah Sistem Saraan Baru telah menetapkan bahawa

6 Disember 1992

kecemerlangan pekerja sektor awam amatlah diutamakan. Upah yang mereka perolehi akan ditentukan oleh kecemerlangan mereka dalam menjalankan kerja-kerja yang dihasilkan oleh mereka. Beta menyeru kepada semua pekerja sektor awam supaya sentiasa memperluangkan diri mereka bagi menghasilkan mutu kerja yang lebih baik. Bagi pekerja-pekerja sektor swasta pula, upah yang mereka perolehi ialah bergantung kepada hasil keluaran dan keuntungan di mana mereka bekerja. Ini bermakna bagi mendapat upah yang lebih baik mereka juga perlu bekerja lebih keras dan memberi kerja yang berkualiti supaya hasil pengeluaran mereka dapat bertanding dalam pasaran bebas. Bagi menjadikan seorang pekerja yang lebih produktif, setiap pekerja perlu mempunyai kecekapan, kemahiran dan pengetahuan bekerja sesuai dengan bidang tugas masing-masing.

Sungguhpun Negeri Terengganu sedang berusaha untuk mewujudkan negeri ini sebagai negeri perindustrian, namun sektor pertanian masih lagi memainkan peranan penting dalam menyumbangkan tenaga kerja di negeri ini. Sumbangan tenaga kerja di sektor pertanian ialah kira-kira 31.8% daripada 283,000 gunatenaga di negeri ini. Bagi mencapai matlamat ini kerajaan telah mengkaji semula Dasar Pertanian Negeri.

Matlamat kajian semula Dasar Pertanian Negeri ialah untuk memperolehi pendapatan lebih menerusi aktiviti pertanian. Sumbangan sektor pertanian kepada negeri ini akan terus dipergiatkan lagi. Peningkatan produktiviti sudah pasti membawa kepada penambahan pendapatan golongan petani dan nelayan. Kajian semula Dasar Pertanian Negeri juga menekankan kepada pertanian komersil dengan menumpukan kepada peningkatan pengeluaran komoditi yang bermutu tinggi melalui teknologi moden dan seterusnya meningkatkan aktiviti pemasaran serta penyelidikan dan pembangunan sektor pertanian.

Dalam kegiatan ternakan juga keutamaan akan diberi dalam usaha meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan berasaskan ternakan untuk memenuhi keperluan tambahan kerana pada masa ini bahan-bahan makanan tersebut terpaksa diimport dari luar Terengganu. Konsep penternakan secara komersil akan meliputi semua projek dan diperluaskan di semua daerah. Aktiviti-aktiviti hiliran serta pembangunan khidmat sokongan bagi mempertingkatkan industri ini akan terus diberi tumpuan.

6 Disember 1992

Dalam kegiatan perikanan pula, khususnya bagi perikanan laut dan ternakan di bawah Dasar Pertanian Baru ini ianya akan berusaha untuk meningkatkan pendapatan nelayan dengan penggunaan teknologi baru. Untuk pembangunan ternakair pula ianya akan ditumpukan kepada pembangunan dan mempelbagaikan ternakair dengan menggunakan kawasan terbiar dengan sepenuhnya serta menyediakan kemudahan bagi membantu golongan sasaran. Zon-zon ternakair akan diperkenalkan dan kemudahan infrastruktur serta insentif akan terus dipergiatkan.

Dalam membantu mereka yang terlibat dalam sektor pertanian, ternakan dan perikanan, masalah utama yang dihadapi ialah pemasaran seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan ikan air tawar masih lagi ketinggalan kerana sistem pemasaran hasil-hasil tersebut tidak begitu teratur. Oleh itu Beta mencadangkan supaya satu badan pemasaran peringkat negeri perlu ditubuhkan bagi mengatasi masalah-masalah ini. Satu lagi masalah ialah kurangnya minat belia-belia untuk menceburi bidang tersebut. Adalah diperhatikan bahawa sebilangan besar pekerja di sektor pertanian, perikanan dan ternakan terdiri daripada mereka yang berumur 50 tahun ke atas. Oleh itu Beta menyeru kepada semua pihak khususnya para belia agar menceburkan diri dalam sektor pertanian dengan lebih giat lagi pada masa hadapan.

Dalam menghadapi perkembangan ekonomi dunia pada masa kini, Beta percaya Negeri Terengganu tidak seharusnya bergantung kepada sektor pertanian sahaja tetapi usaha-usaha hendaklah dibuat bagi memajukan sektor perindustrian, pelancongan dan perkhidmatan. Masih banyak ruang-ruang yang boleh diceburi oleh rakyat negeri ini dalam bidang perkilangan, pembinaan, pengangkutan, perkhidmatan kewangan dan sebagainya kerana didapati bahawa sektor tersebut masih menyumbang tenaga kerja yang rendah dalam pembangunan ekonomi negeri ini. Adalah tidak boleh dinafikan bahawa jika sebuah negeri itu ingin maju maka sumbangan sektor perindustrian amatlah penting. Ini jelas kerana kebanyakan negeri-negeri yang telah maju amatlah bergantung kepada sumbangan sektor perindustrian di samping sektor-sektor lain yang menyokong kepada pembangunan sektor perindustrian. Dalam konsep sektor perindustrian ini tumpuan tidak seharusnya diberi kepada sektor perkilangan dan pembuatan semata-mata tetapi tumpuan perlu juga diberi kepada sektor pelancongan, industri kecil dan sederhana serta penekanan kepada aspek perdagangan dan perindustrian di sektor pertanian.

6 Disember 1992

Dalam usaha menarik pelabur-pelabur swasta untuk melabur di negeri ini kemudahan-kemudahan asas yang secukupnya sedang diusahakan oleh pihak kerajaan. Pembangunan kawasan perindustrian adalah berganantung kepada kewangan kerajaan yang ada. Pada tahun-tahun yang akan datang beta menyeru supaya pihak swasta tampil ke hadapan bersama-sama membangunkan kawasan perindustrian di negeri ini. Dalam usaha menarik pelabur ini Kerajaan Persekutuan telah membuat dasar bahawa 60% daripada jumlah pelaburan hendaklah datangnya daripada dalam negeri dan 40% daripada pelaburan asing. Ini bermakna ruang untuk pihak swasta tempatan menceburi diri dalam bidang pembangunan perindustrian amatlah cerah. Beta yakin dan percaya bahawa sektor perindustrian mempunyai potensi yang baik kerana negeri ini mempunyai sumber yang mencukupi, gunatenaga yang terlatih dan pengurusan ekonomi yang cekap serta keadaan politik yang stabil.

Bagi meningkatkan perkembangan sektor perindustrian di negara ini Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan 'Koridor Kedua' bagi pembangunan perindustrian di antara Pantai Barat dan Pantai Timur. Dalam menghadapi cabaran ini Beta berseru supaya semua pihak hendaklah bersedia untuk merebut peluang yang diwujudkan melalui penetapan dasar 'Koridor Kedua' ini. Pada tahun 1992 sejumlah \$16.8458 billion pelaburan telah diluluskan oleh pihak Pusat dan yang diluluskan untuk Negeri Terengganu \$2.1627 billion sahaja dari jumlah keseluruhan yang diluluskan itu. Oleh itu Kerajaan Negeri telah mengadakan satu 'Blue Print' perindustrian bagi tempoh 10 tahun akan datang bagi memastikan Terengganu juga akan dapat sama-sama menikmati pembangunan perindustrian negara.

Satu daripada kekuatan yang ada pada Negeri Terengganu dalam bidang perindustrian ialah Pelabuhan Kemaman. Kerajaan Persekutuan telah mencadangkan supaya pelabuhan ini menjadi pelabuhan 'Enterport' yang akan memberi perkhidmatan bukan sahaja di Rantau Asia Pasific tetapi ke Latin Amerika. Ada pihak tertentu mempunyai anggapan negatif ke atas kemampuan pelabuhan ini pada masa hadapan. Beta yakin Pelabuhan Kemaman mempunyai potensi untuk menjadi pelabuhan antarabangsa. Sebagai langkah awal Kerajaan Persekutuan telah meletakkan pentadbiran Dermaga Timur di bawah Lembaga Pelabuhan Kuantan. Beta berharap Kerajaan Persekutuan akan dapat menimbang semula supaya Pelabuhan Kemaman ditadbirkan berasingan dari Pelabuhan Kuantan dan menubuhkan satu Akta Pelabuhan Kemaman secara berasingan. Penubuhan Lembaga yang berasingan ini tidak akan menimbulkan pesaing kerana

6 Disember 1992

Pelabuhan Kemaman merupakan pelabuhan khusus untuk perindustrian dan Pelabuhan Kuantan untuk kargo am. Beta percaya, insya-Allah dengan adanya Lembaga berasingan untuk Pelabuhan Kemaman ianya akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik, berkesan dan mampu menjadi sebuah pelabuhan antarabangsa.

Tahun 1994, Kerajaan Persekutuan sekali lagi akan menganjurkan Tahun Melawat Malaysia untuk menarik lebih ramai pelancong melawat negara ini. Penyediaan kemudahan asas seperti tempat-tempat menarik bagi pelancong, kemudahan penginapan, kemudahan pengangkutan yang amat penting ialah menjaga kebersihan dan kualiti alam sekitar. Beta percaya para pelancong yang datang dari negeri-negeri yang maju ingin melihat tempat-tempat yang mempunyai kebersihan dan kualiti alam sekitar yang tidak tercemar. Pengusaha-pengusaha makanan, tempat penginapan dan pengangkutan pelancong perlu memberi tumpuan kepada sikap jujur, cekap dan amanah dan tidak mengaut keuntungan yang berlebihan dalam waktu jangka pendek. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memastikan kawasan-kawasan pentadbiran masing-masing sentiasa bersih, kemas dan teratur dari masa ke semasa.

Sektor pelancongan mempunyai potensi untuk berkembang pada masa hadapan kerana Negeri Terengganu Darul Iman telah dikurnia oleh Allah Subhanahu Wataala dengan berbagai tempat yang boleh menarik pelancong seperti pulau-pulau, kawasan pantai, air terjun, tasik dan hutan rimba. Tasik Kenyir sebuah tasik yang begitu indah mempunyai potensi untuk menjadi daya tarikan pelancong-pelancong untuk berkunjung. Dalam membangunkan tempat-tempat pelancongan di negeri ini faktor kualiti alam sekitar perlu diambil kira kerana kesan akibat daripada pencemaran alam sekitar akan ditanggung oleh generasi yang akan datang. Beta menyeru kepada rakyat Beta supaya tidak memandang negatif terhadap pembangunan pelancongan di negeri ini kerana pada jangka panjang negeri ini akan memperolehi faedah daripada kedatangan pelancong.

Sungguhpun kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan sektor perindustrian dan pelancongan tanpa mengabaikan sektor-sektor lain, kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menyediakan berbagai kemudahan awam dan sosial untuk rakyat dalam membantu mereka sama-sama menikmati pembangunan negeri ini. Di atas hakikat ini kerajaan telah menyediakan peruntukan sewajarnya seperti bekalan elektrik, kemudahan telefon, pos, bekalan air, jalan



raya, kesihatan, pendidikan dan latihan, pengangkutan dan perumahan. dalam usaha untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang di negeri ini, kerajaan telah mengadakan kajian-kajian pelan struktur bagi tiap-tiap daerah. Kerajaan juga telah mengenalpasti pusat-pusat pertumbuhan yang mempunyai potensi untuk dimajukan. Sungguhpun kajian ini telah mengenalpasti strategi, dasar dan program di setiap daerah tetapi jika tidak dilaksanakan menurut kajian tersebut, ianya akan tinggal menjadi 'Blue Print' sahaja.

Strategi, dasar dan program pembangunan Negeri Terengganu pada masa ini adalah diasaskan kepada pelan induk Negeri Terengganu yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Negeri. Memandangkan pelan induk tersebut telahpun berjalan selama 10 tahun, Beta percaya telah sampai masanya Kerajaan Negeri mengadakan satu 'Action Plan' bagi menghadapi cabaran Wawasan 2020.

Pada tahun 1991, Negeri Terengganu mempunyai penduduk 770,931 orang dan mempunyai sebanyak 145,496 isirumah. Daripada jumlah isirumah tersebut masih terdapat kira-kira 27.8% adalah berada di bawah paras garis kemiskinan tetapi jumlah isirumah yang termiskin adalah seramai 16,068 keluarga. Sebagai langkah awal, kerajaan akan memberi penekanan kepada golongan termiskin dengan menyediakan beberapa kemudahan dan bantuan kepada mereka seperti Pinjaman ASB yang dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Dengan usaha-usaha ini kerajaan percaya dapat mengurangkan kadar kemiskinan negeri ini daripada 27.8% tahun 1992 kepada 19.8% pada tahun 1996.

Sungguhpun kerajaan telah menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya bagi menyediakan pembangunan projek-projek perindustrian, pelancongan dan kemudahan awam, Beta percaya dan yakin masih terdapat projek-projek yang ketinggalan yang memerlukan pertimbangan Kerajaan Persekutuan untuk mempergiatkan pembangunan ekonomi negeri ini. Pada masa ini pertambahan penumpang yang datang ke Terengganu melalui udara telah meningkat dari hari ke hari dan Beta berpendapat Lapangan Terbang perlu diperbesarkan untuk pendaratan pesawat yang lebih besar. Begitu juga dengan penerbangan terus Singapura - Terengganu amatlah perlu diadakan. Beta percaya dengan adanya kemudahan pengangkutan udara ini khususnya dari Singapura ke Terengganu akan dapat menarik lebih ramai pelabur dan pelancong datang ke Terengganu. Bagi pengangkutan darat pula, satu Sistem Rangkaian Jalan Raya Persekutuan menerusi Pahang, Johor dan Singapura perlu dipekemaskan dan diperbesarkan.

6 Disember 1992

Beta perhatikan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman di bawah pimpinan Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad telah memberi penekanan untuk meningkatkan kemajuan jasmani, namun kerajaan tidak mengabaikan pembangunan rohani. Kerajaan Beta mempunyai keyakinan bahawa rakyat yang mempunyai jasmani yang kuat, rohani yang suci dan akhlak yang mulia akan dapat sama-sama menjadi satu umat yang kuat. Oleh itu kerajaan Beta akan terus memberi keutamaan kepada projek-projek keagamaan seperti masjid, surau dan pusat pendidikan agama. Begitu juga dengan pembangunan keluarga dalam usaha melahirkan masyarakat penyayang yang sesuai dengan konsep 'Rumahku Syurgaku'. Namun apa yang dikesalkan masih terdapat setengah-setengah pihak yang sentiasa menggunakan isu agama untuk memecah belah di antara satu sama lain. Pihak-pihak yang terlibat seharusnya bersyukur ke atas nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada rakyat Beta kerana semua dapat hidup dalam aman dan bahagia. Beta berseru kepada semua pihak yang menggunakan agama untuk membawa perpecahan ini hendaklah memberhentikan aktiviti mereka, dan sebaliknya hendaklah sama-sama berganding bahu untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu dan berjaya di negeri ini. Beta rasa perbuatan menggunakan agama untuk kepentingan diri yang akhirnya membawa kepada perbalahan rakyat merupakan perbuatan yang keji dan bertentangan dengan ajaran agama Islam yang maha suci.

Beta juga mengambil peluang ini menyampaikan penghargaan Beta kepada pegawai-pegawai kerajaan yang menunjukkan prestasi perkhidmatan awam yang terus meningkat. Sesuai dengan Sistem Saraan Baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun ini, pegawai-pegawai kerajaan hendaklah berusaha untuk meningkatkan lagi kualiti, kecekapan, dan kejujuran dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada angkatan bersenjata dan polis yang telah berusaha menentang anasir-anasir yang tidak diingini dan berharap ketahanan tersebut tetap padu dengan taat setia. Rakyat Beta juga hendaklah sentiasa berwaspada terhadap musuh-musuh negara dan anasir-anasir subversif itu. Beta berseru semua rakyat Beta supaya sama-sama berusaha bagi mewujudkan sebuah negeri yang aman, stabil dan terus membangun untuk menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang. Beta yakin rakyat Beta yang cintakan tanah airnya tidak akan ingin melihat keamanan dan kestabilan ini dimusnahkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

6 Disember 1992

Akhirnya Beta berdoa kepada Allah supaya sentiasa memberi rahmat kepada rakyat dan kerajaan Beta semoga usaha-usaha murni akan mendapat keredaan Allah dan menemui kejayaan jua.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang Beta Merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kelapan.

Selamat Bersidang.

#### T A N G G U H A N

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka tangguhkan Persidangan Dewan kepada pagi esck jam 9.30 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.10 PAGI.

---

DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
1993